

05 NOV 1996

PRESIDEN KOREA AKAN LAWAT MALAYSIA Hujung Bulan Ini

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Presiden Korean Selatan Kim Young Sam dijadualkan melawat Malaysia selama dua hari mulai 26 Nov ini untuk mempertingkatkan hubungan dua hala, kata Duta negara itu ke Malaysia, Jhung Kyung Yil hari ini.

Katanya Kim akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Kim juga dijangka menyaksikan upacara menandatangani memorandum sefahaman (MoU) untuk menggalakkan kerjasama dalam pelancongan dan kebudayaan, kata beliau kepada pemberita di simposium mengenai "Meningkatkan Kerjasama Antara Malaysia dan Republik Korea: Hari ini, Esok dan Abad ke-21" di sini.

Jhung berkata MoU pelancongan akan membantu industri itu di kedua-dua negara. Tahun lepas sejumlah 75,000 pelancong Korea melawat Malaysia.

Katanya persefahaman kebudayaan pula ialah mengenai rancangan untuk menubuh Pusat Kebudayaan Korea menggantikan jabatan bahasa Korea di ITM Shah Alam sekarang yang ditubuhkan pada tahun 1988. -- BERNAMA

RAZ CTL WAT